



## SIARAN MEDIA

### TAKLIMAT PENGECUALIAN CUKAI TAKSIRAN KEDIAMAN KAMPUNG BERSASAR

Selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Selangor untuk pelaksanaan pengecualian kediaman kampung diberikan secara bersasar bermula tahun 2024, satu program taklimat telah diadakan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) hari ini di Dewan Rinai, Taman Gombak.

Seramai lebih 40 orang telah hadir ke program taklimat ini yang dikendalikan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) MPS. Kehadiran melibatkan Ahli Majlis MPS, Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan juga Ketua Komuniti di bawah Perbandaran Selayang.

Penerangan oleh Tuan Ts. Hairudin bin Daud, Pengarah JPPH MPS dan Puan Sr. Farah Firdaerma, Pegawai Penilaian MPS telah memperincikan tentang syarat permohonan, dokumen yang diperlukan, tempoh permohonan dan lain-lain yang berkaitan. Program diteruskan dengan sesi soal jawab dan tamat pada jam 11 pagi.

MPS ingin mengingatkan kepada semua pemilik harta di kawasan kampung yang layak untuk membuat permohonan pengecualian cukai taksiran kediaman kampung ini sebelum 31 Mei 2024. Untuk maklumat lanjut hubungi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di 03 6126 5906 / 5907 / 5908 atau layari [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my)

**#TAMAT#**

#### Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam  
Jabatan Korporat

b.p. **Timbalan Yang Dipertua**  
Majlis Perbandaran Selayang  
**19 Mac 2024**